

Tukang masak disyaki pecah masuk kedai, curi wang majikan di Pakan

SIBU: Seorang lelaki yang bekerja sebagai tukang masak diberkas polis selepas disyaki memecah masuk sebuah kedai makan dan mencuri wang tunai milik majikannya di Pakan, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Julau DSP Alif Haiqal Ramesh Abdullah berkata, suspek berusia 30 tahun itu ditahan sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Julau pada 1 Oktober lalu sekitar jam 2.40 petang di hadapan Rumah Mandi, Sungai Entawai, Pakan.

Jelasnya, tangkapan itu dibuat susulan laporan polis

yang diterima daripada seorang peniaga wanita berusia 37 tahun yang mengalami kerugian berjumlah RM3,100 di premisnya di Pasar Baru Pakan.

“Siasatan awal mendapati kejadian berlaku pada 28 September sekitar jam 9.10 malam ketika pengadu baru pulang ke tingkat atas kedainya dan mendapati wang tunai dalam beg tangan serta duit syiling di kaunter telah hilang,” katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Katanya, pemeriksaan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang dikongsi adik pengadu menunjukkan sus-

pek yang juga pekerja kedai berkenaan telah memecah masuk melalui pintu belakang restoran sekitar jam 8 malam pada hari kejadian.

“Rakaman CCTV jelas menunjukkan suspek menarik besi pintu sehingga bengkok dan menutup suis utama CCTV sebelum memasuki premis,” ujar beliau.

Pemeriksaan lanjut mendapati terdapat kesan umpilan pada pintu belakang yang telah berkarat dan rosak dipercayai akibat tindakan suspek.

Pengadu mengambil masa tiga hari sebelum membuat laporan polis kerana suspek

enggan bekerjasama dan tidak memulangkan wang berkenaan walaupun diminta.

“Hasil siasatan lanjut mendapati suspek mengaku memecah masuk ke kedai makan itu dan mencuri wang tunai RM350,” jelasnya.

Satu pemacu USB yang mengandungi empat rakaman CCTV kejadian telah diserahkan oleh pengadu kepada pihak polis bagi tujuan siasatan.

Kes itu disiasat di bawah Seksyen 457 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 14 tahun dan denda jika sabit kesalahan.